KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	26/1/2022 (RABU)	MUKA SURAT	:	14
JABATAN	:	TNB / ST			

Lelaki ditahan curi elektrik untuk aktiviti lombong bitcoin

LANGKAWI – Seorang lelaki tempatan ditahan bersama 180 unit mesin melombong bitcoin dalam serbuan di sebuah premis di Persiaran Putra, Kuah di sini semalam.

Suspek berusia 28 tahun itu ditahan di Taman Simfoni, Kuah di sini, pada pukul 12.05 tengah malam.

Ketua Polis Daerah Langkawi, Asisten Komisioner Shariman Ashaari berkata, susulan tangkapan itu, polis dengan bantuan kakitangan teknikal Tenaga Nasional Berhad (TNB) melakukan pemeriksaan ke atas sebuah premis di Persiaran Putra.

"Pihak polis berjaya membuka premis tersebut dengan menggunakan kunci yang dirampas daripada suspek.

"Pemeriksaan ke atas premis itu menemui beberapa peralatan yang disyaki digunakan untuk menjalankan perlombongan bitcoin," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, pihaknya merampas beberapa peralatan antaranya 180 unit mesin dipercayai untuk melombong bitcoin, satu unit penghala internet tanpa wayar (WiFi), lapan unit penyesuai rangkaian dan tiga unit modem WiFi.

Menurutnya, premis berkenaan disyaki melakukan penyambungan elektrik secara salah atau haram sehingga menyebabkan kerosakan atau kerugian kepada harta benda TNB.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 379 dan Seksyen 427 Kanun Keseksaan," tambahnya.

Kosmo 26.1.2022_14